

---

Title	Detik dan gerak bahasa kebangsaan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

---

untuk minggu bahasa Kebangsaan.

---

## “DETIK DAN GERAK BAHASA KEBANGSAAN”

oleh:

Muhammad Ariff Ahmad (Mas.)

Sa-sungguh-nya MINGGU BAHASA KEBANGSAAN ini menjadi titik permulaan suatu perkembangan dalam jiwa seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Bagi rakyat yang berbangsa Melayu minggu ini ada-lah menjadikan kegembiraan yang payah hendak di-lupakan kerana ia me-mulai dengan hakikat yang sa-benar2-nya bahawa bahasa Melayu di-perdaulatkan kembali di-Tanah Ayer-nya sendiri: tetapi bagi rakyat yang bukan berbangsa Melayu, minggu ini akan membuktikan dengan sa-sungguh-nya bahawa mereka ada-lah sa-benar-nya rakyat Persekutuan/Singapura yang tidak berbelah bahagi ta'at setia-nya kepada Persekutuan/Singapura yang di-anggap sa-bagai Tanah Ayer yang memberikan kehidupan yang mewah kepada mereka. Mereka harus berbahasa Kebangsaan bukan sahaja dalam minggu ini; tetapi sa-panjang masa hidup-nya sa-lagi mereka mengakui Tanah Melayu ini menjadi Tanah Ayer-nya. Mereka harus-lah mentaati lambang “GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN KITA” dan “BAHASA JIWA BANGSA” itu.

Sa-bagai sa-orang guru Melayu dan sa-bagai Ketua II Asas'50 maka renchana ini harus-lah barangkali akan lebih menitekberatkan pandangan saya dari kedua-dua jurusan ini. Saya tidak dapat melupakan begitu sahaja segala peristiwa yang pernah saya alami dalam detik2 perkembangan bahasa Melayu sa-hingga di-akui dengan resmi-nya menjadi bahasa Kebangsaan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura sekarang ini.

Ketika hendak menubuhkan suatu persekutuan bagi penulis2 angkatan 50 dahulu kami hanya mempunyai suatu chita2 hendak mengumpulkan penulis2 yang sa-angkatan dalam satu pertubohan untuk dapat bertukar2 fikiran sa-chara langsung dalam sa-barang hal mengenai perkembangan persuratan Melayu sahaja. Tetapi dalam pertemuan pertama untuk menubuhkan persatuan ini, pada 6hb. August 1950 dahulu, perbinchangan chalon2 anggota Angkatan Sasterawan '50 itu telah begitu menghebat sa-kali hingga lahir-lah satu konsep baru pada hari itu, ia-itu bahawa hasil chiptaan (karangan – sama ada cerita pendek, sajak2 atau pun renchana2) mesti-lah bertujuan membangun dan menjadi alat kemerdekaan Tanah Ayer yang terpenting. Mulai dari saat itu-lah Asas '50 telah bergerak sa-dapat daya-nya bagi menchapai chita2-nya hendak menjadikan hasil usaha-nya sa-bagai alat menchapai kemerdekaan Tanah Ayer.

PADA 12hb. APRIL 1952. Berlangsung-lah PERSIDANGAN PERSURATAN MELAYU SA-MALAYA, bagi kali pertama-nya, di-Dewan Khas, Sea View Hotel Singapura. Lima buah persatuan persuratan di-Singapura (Asas '50, Kesatuan Guru2 Melayu Singapura, Lembaga Bahasa Melayu, P.P.P.P.M., dan Trengkas Melayu Institute) yang dipelopori oleh Asas '50 telah menjadi panitia penyelenggara persidangan itu.

Dalam ucapan pembukaan-nya, Saudara Kris Mas (sekarang Pengarang Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka), dalam kedudukan-nya sa-bagai Ketua I Asas '50 (pada masa itu) dan Pengerusi Panitia telah menyarankan: BAHAWA KITA TIDAK INGIN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (termasok Singapura) YANG AKAN MERDEKA ITU KELAK MENJADI SA-BUAH NEGARA YANG BISU..... Atau dengan lain perkataan: Negara yang akan merdeka itu kelak akan meminjam bahasa asing menjadi bahasa negara-nya saperti yang berlaku di-India. Maka pada saat itu-lah ikrar hendak menjadikan bahasa Melayu ini sa-bagai bahasa Kebangsaan – bahasa pemerintah, bahasa rakyat dan lingua franca – di-Tanah Melayu ini, di-putuskan oleh 21 buah pertubohan yang menghadiri persidangan itu. K.P.G.M.S (Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjung) pada masa itu hadir sa-bagai pemerhati – tidak sa-bagai peserta. KPGMS baru menjadi anggota sa-bagai peserta dalam Congress Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga yang diadakan dalam bulan September 1956, di-University Malaya, Singapura.

Persidangan kali yang kedua Badan2 Persuratan seluruh Tanah Melayu ia-lah pada 31hb. December 1953 dan 1hb. January 1954 di-Dewan K.G.V., Seremban. Kongres Persuratan Melayu sa-Malaya (nama baru persidangan yang telah di-tetapkan pada tahun 1952 itu) bagi kali yang kedua telah mengambil keputusan mengemukakan memorandum kepada kerajaan (pada masa itu belum P.T.M Merdeka) supaya bahasa Melayu dijadikan BAHASA RESMI bagi Persekutuan Tanah Melayu. Juga Kongres itu telah menetapkan bahawa Tulisan Rumi mesti-lah menjadi tulisan resmi bagi persuratan Melayu, dengan tidak bermaksud memusnahkan tulisan Jawi.

Akhir-nya bila Persekutuan Tanah Melayu sudah mempunyai pemerintah yang dilantek mengikut pilihanraya demikian pula di-Singapura, maka dalam tahun 1956 berlangsung-lah suatu Kongres yang lebeh besar dari kedua2 Kongres yang telah lalu itu. Maka tempat berkongres pun berpindah-lah ka-tempat yang telah mendapat perhatian (1952 di-hotel; 1953/54 di-sekolah menengah; pada tahun 1956 ini di-UNIVERSITY MALAYA); Kongres ini pun mendapat sokongan moral dan material dari kedua2 Kerajaan Tanah Melayu dan Singapura. Maka dalam Kongres ini turut-lah sakalian tokoh2 bahasa dan persuratan yang tak berpeluang menchampori Kongres2 pertama dan kedua dulu.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga ini telah menyerahkan dengan resmi dalam suatu istiadat kepada menteri Pelajaran, segala keputusan Kongres. Keputusan itu merupakan rumusan2 Kongres yang patut di-buat bagi men-jadikan bahasa Melayu itu sa-bagai bahasa Kebangsaan di-Tanah Melayu yang merdeka.

Kerajaan Perikatan di-Persekutuan Tanah Melayu telah mengistiharkan bahawa Bahasa Melayu akan menjadi bahasa Kebangsaan yang resmi dalam tempoh sa-puluh tahun dari tarikh kerajaan itu berkuasa; tetapi Kerajaan Party Tindakan Rakyat di-Singapura (yang baru memegang pemerintahan sa-telah memenangi pilihanraya pada 30hb. May 1959 itu) dengan tegas mengistiharkan bahawa bahasa Melayu di-jadikan bahasa Kebangsaan di-Singapura mulai saat ia memerintah. Maka sa-chepat kilat di-gerakkan-lah langkah2 yang mungkin menuju arah menjadikan bahasa Melayu ini sa-bagai bahasa Kebangsaan di-negeri ini.

Kelas2 bahasa Kebangsaan ini telah di-buka beratus2 banyak-nya. Kerajaan Singapura telah menggunakan segala kesempatan dan kemudahan yang ada untuk melancharkan gerakan mempelajari dan menggunakan sa-boleh2-nya bahasa Kebangsaan itu mulai dari sekarang ini.

Sa-bagai sa-orang guru dan sa-orang penulis tentu-lah ta'dapat saya mengelak dari terlibat dalam usaha memperbiak pengajaran bahasa Kebangsaan itu kepada sakalian rakyat yang tidak mahu ketinggalan – masing2 berlumba2 dengan kemahuan hati-nya sendiri – mempelajari bahasa Kebangsaan itu. Sa-bagai guru saya banyak sa-kali menggunakan waktu untuk menyiarkan pengajaran bahasa Kebangsaan itu di-mana ada kesempatan. Maka dalam mengajarkan bahasa Kebangsaan itu kepada rakyat pelbagai bangsa daripada pelbagai peringkat hidup dan pelbagai peringkat jalan fikiran itu terbit-lah pula kesulitan2 tentang buku2 text. Satu golongan manusia yang terpelajar Inggeris tentu-lah tidak sama perkembangan jalan fikiran-nya dengan golongan yang terpelajar China atau Tamil atau golongan yang tidak terpelajar atau butahuruf dalam apa bahasa pun. Golongan orang2 dewasa tentu-lah tidak dapat mengatakan bahwa buku2 yang di-bacha oleh kanak2 itu sesuai untuk mereka. Maka kesan daripada kekurangan buku2 yang sesuai untuk pelbagai golongan itu menimbulkan kegelisan pelajar2 dan akhir-nya membosankan mereka. Mereka yang telah penoh semangat hendak mempelajari bahasa kebangsaan itu mesti-lah di-beri pertolongan sa-boleh2-nya supaya chita2 mereka itu tidak bantut.

Dalam hal ini maka saya gunakan-lah kesempatan kedua yang ada pada saya, sebagai orang penulis: saya chuba mengusahakan supaya ada buku2 yang layak bagi golongan2 yang tersebut itu, mana2 yang boleh. Langkah ini saya ambil kerana hendak men-cheptakan langkah mengadakan atau menambahi buku2 yang di-perlukan itu. Tentu-lah langkah ini sa-kurang2-nya menolong meringankan beban teman2 saya yang sedang berusaha menulis2 buku2 text itu sahaja atau teman2 yang menggunakan buku2 itu untuk mengajarkan bahasa Kebangsaan.

Di-Singapura, pada masa ini, walau pun kita belum pernah terdengar kalau2 ada ura2 kerajaan atau usaha2 rakyat hendak mengadakan pesta atau minggu bahasa Kebangsaan atau sa-umpama-nya, saperti yang sedang di-usahakan di-Persekutuan Tanah Melayu itu; tetapi langkah memperkenalkan, memperkembang, mengajarkan dan menggunakan bahasa Kebangsaan itu sedang di-perhebat dalam peraktis oleh pihak mana pun juga – Pihak Pemerintah, Pihak Perkumpulan2 atau Persendirian Rakyat, Pihak Saudagar2 dan lain2.

Di-maktab Perguruan Singapura, bahasa Kebangsaan itu telah di-jadikan satu mata-pelajaran YANG DI-MESTIKAN. Penuntut2 yang kelak tiada lulus dalam bahasa Kebangsaan tidak akan di-kira lulus pada seluroh kursus-nya. Pendek-nya Chalon2 guru (yang bukan bangsa Melayu) itu tidak di-anggap layak menjadi guru kalau mereka tidak lulus dalam pepereksaan bahasa Kebangsaan. Ini ada-lah suatu tindakan bagi menggalakkan supaya sakalian rakyat Singapura akan menghormati dan menggunakan bahasa Kebangsaan kita dengan luas lagi faseh.

Guru2 di-Singapura sedang di-ator supaya melipat-gandakan tenaga-nya untuk bekerja agak lebih sedikit daripada kebiasaan-nya untuk mengajarkan atau mempelajari bahasa Kebangsaan itu. Pendek-nya, Pemerintah Singapura sedang menjalankan ikhtiar sa-berapa yang terdaya untuk mempercheptakan penggunaan bahasa Kebangsaan itu di-sini.

Pada 22 dan 23hb. August 1959 – Socialist Club University Malaya, telah mengadakan seminar yang membinchangkan kemungkinan bahasa Melayu (bahasa Kebangsaan) ini di-gunakan dengan sa-luas2-nya di-sabarang lapangan. Hasil dari seminar itu kechuali (untuk sementara) bagi kegunaan mahkamah, maka tidak ada apa2 halangan atau keberatan bahasa Kebangsaan itu di-gunakan sa-bagai lingua franca; sa-bagai bahasa pengantar pelajaran dan sa-bagai bahasa ilmiah dengan beransor-ansor.

Walau pun seminar itu agak ganjil – ia-itu perbincangan<sup>2</sup> mengenai bahasa Melayu itu telah berjalan lancar dengan perantaraan bahasa Inggeris, tetapi hasil dan kesan seminar itu telah menyatakan betapa hasrat rakyat negeri ini hendak segera dapat berbahasa Melayu dengan faseh untuk menggunakan bahasa itu sa-bagai bahasa Kebangsaan negara ini amat yang di-muliakan.

Apabila kelas<sup>2</sup> bahasa Kebangsaan Kerajaan itu di-lancharkan mulai sa-haribulan September 1959, kerajaan telah menerima berpuluh<sup>2</sup> orang guru sambilan yang menerima bayaran \$6.00 sa-jam. Ramai juga guru<sup>2</sup> itu yang menyumbangkan khidmat sukarela atau sa-tengah sukarela. Kerajaan telah mengadakan kursus<sup>2</sup> chara mengajar kepada pengajar<sup>2</sup> sambilan yang bukan guru berkelayakan itu. Maka sekarang ini kebanyakan pengajar<sup>2</sup> sambilan itu telah mengakhiri kursus-nya dengan jaya dan mempunyai surat tauliah yang sah dari pemerintah untuk menjadi pengajar<sup>2</sup> bahasa Kebangsaan.

Demikian-lah, Singapura yang belum mempunyai Minggu Bahasa Kebangsaan ini sedang “mengisi dada” dengan pengetahuan<sup>2</sup> berkenaan dengan bahasa Kebangsaan dan memperaktikkan-nya. Maka Persekutuan Tanah Melayu yang mendahului Singapura mengadakan Minggu Bahasa Kebangsaan itu hendak-nya bukan hanya untuk meng-“warwar”kan sahaja: tetapi mudah<sup>2</sup>an Minggu Bahasa Kebangsaan itu akan menjadi garisan permulaan – garisan on-your-mark bagi pengguna<sup>2</sup> bahasa Kebangsaan. Walau pun Minggu itu akan berakhir pada 6hb. February 1960 ini, hendak-nya penggunaan bahasa Kebangsaan itu akan terus menerus seperti tidak kenal akan kata “akhir” – di-gunakan terus, di-gunakan terus dan di-gunakan terus.....di-segala lapangan; di-sagenap kementerian kerajaan; di-sagenap rumah<sup>2</sup>; di-semua istana<sup>2</sup>; di-mana pun juga.....

Hendak-nya bahasa Kebangsaan itu di-gunakan oleh seluruh lapisan rakyat dan masharakat – dari si Jembel sampai ka melioner; dari si Ketot sampai ka-bawah duli Paduka Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong; dari rakyat proletar sampai kepada para menteri dan senator – sama ada resmi atau tidak resmi.

Kalau Singapura yang belum ada Minggu Bahasa Kebangsaan sudah memperaktikkan apa yang di-impikan oleh Persekutuan (Dengarkan-lah Saudara Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura yang bukan Melayu itu sanggup berucap menggunakan bahasa Kebangsaan; demikian pula Saudara Yong Nyuk Lin dan Saudara Rajahratnam). Maka amat-lah mudah-nya hal itu boleh di-perlakukan di-Persekutuan, kalau mau.

Demikian-lah. Jangan lupa: BAHASA JIWA BANGSA.